CIDB MALAYSIA

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Ibu Pejabat
Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 603-4047 7000 Fax : 603-4047 7070
E : www.cidb.gov.my

Ruj. Kami : LPIPM:SPT/US/07/1/2 klt. 3( 19 )
Tarikh : 10 Februari 2021

SKILL SOLUTIONS SDN. BHD.
No. 7-1, Jalan Putra Mahkota 7/7B,
Pusat Bandar Putra Point, Putra Heights
47650 Subang Jaya
Selangor
Tel / Fax : 03-7971 7591

**PROGRAM PEMBERIAN INSENTIF BAGI LATIHAN PEGAWAI KESELAMATAN & KESIHATAN (SHO) DAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK BINA (SSS) BAGI TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan mengadakan program pemberian insentif bagi program latihan untuk Pegawai Keselamatan & Kesihatan (*Safety & Health Officer*, SHO) dan Penyelia Keselamatan Tapak Bina (*Safety Site Supervisor,* SSS).

3. Untuk makluman tuan/puan program pemberian insentif **sebanyak 50% adalah bagi yuran latihan dan peperiksaaan** untuk mengikuti program kursus latihan SHO & SSS. Bayaran bagi pemberian insentif adalah seperti berikut:

| Bil. | Program Latihan | Yuran (RM) | Subsidi CIDB (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Safety & Health Officer – secara fizikal | | |
| 2 | Safety & Health Officer – secara online | | |
| 3 | Safety Site Supervisor – secara fizikal | | |
| 4 | Safety Site Supervisor – secara online | | |

4. Bagi kursus latihan secara fizikal pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kebenaran dan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta kebenaran bertulis daripada pihak CIDB.

5. Program pemberian insentif bagi program latihan SSS ini bermula mulai **02 Januari 2021** sehingga **31 Disember 2021**. Pihak tuan/puan boleh membuat tuntutan bayaran bagi program tersebut selepas tamat sesi kursus latihan dengan melampirkan laporan serta bukti senarai kehadiran peserta.

Ruj. Kami : LPIPM:SPT/US/07/1/2 klt.3 ( 19 )
Tarikh : 10 Februari 2021

6. Kerjasama pihak tuan/puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan kepada CIDB **cadangan tarikh pelaksanaan program di atas untuk memastikan peruntukan mencukupi dan bayaran boleh dibuat nanti** dari masa ke semasa. Program latihan insentif ini juga tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak CIDB sepertimana di **Lampiran A.** Pihak CIDB berharap agar kerjasama yang telah terjalin akan memberikan kebaikan kepada industri pembinaan amnya.

Sekian, terima kasih.

**"BINA SEMPURNA"**


**(Ir. M. RAMUSEREN)**
Pengurus Besar
Bahagian Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
Sektor Pembangunan Teknologi
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
b.p. Ketua Eksekutif CIDB


s.k Pengurus Besar
Bahagian Pembangunan Kontraktor

LAMPIRAN A

**TERMA DAN SYARAT**
**PROGRAM PEMBERIAN INSENTIF BAGI PROGRAM LATIHAN PEGAWAI KESELAMATAN & KESIHATAN (SAFETY & HEALTH OFFICER, SHO) DAN PENYELIA TAPAK KESELAMATAN (*SITE SAFETY SUPERVISOR*, SSS)**

1. SKILL SOLUTIONS hendaklah menjaga nama baik CIDB sepanjang tempoh perlantikan.
2. Perlantikan ini akan terbatal dengan sendirinya apabila telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh CIDB.
3. SKILL SOLUTIONS wajib mematuhi semua terma, sekatan dan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh CIDB dari masa ke semasa.
4. SKILL SOLUTIONS perlu mengemukakan permohonan pembaharuan perlantikan tiga (3) bulan sebelum tarikh tempoh perlantikan tamat.
5. Pengurusan SKILL SOLUTIONS adalah bertangungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa pelanggaran peraturan ini oleh tenaga pengajar atau mana-mana individu yang berkhidmat di bawah naungan SKILL SOLUTIONS.
6. Pengurusan SKILL SOLUTIONS adalah bertanggunjawab untuk menyampaikan segala maklumat berkaitan syarat-syarat ini dan kursus latihan kepada setiap staf dan tenaga pengajar yang terlibat di dalam perlaksanaan kursus ini.
7. SKILL SOLUTIONS perlu mengemukakan jadual program yang akan dijalankan untuk sepanjang tahun perlantikan.
8. SKILL SOLUTIONS perlu mengisi borang permohonan mata *Continuous Contractor Development* (CCD) setiap kali program akan dijalankan. Borang yang lengkap diisi berserta nota atau modul program perlulah dihantar sekurang-kurangnya 4 minggu sebelum program berlangsung kepada Bahagian Keselamatan & Kesihatan, Alam Sekitar dan Kualiti.
9. Permohonan mata *Continuous Contractor Development* (CCD) yang dipohon selepas daripada tarikh program berlangsung tidak akan dilayan.
10. Satu salinan surat kelulusan / pengiktirafan / akreditasi daripada pihak JKKP kepada SKILL SOLUTIONS bagi menjalankan program latihan SHO & SSS, hendaklah dikemukakan kepada CIDB bagi melayakkan untuk membuat tuntutan insentif yang diberikan.

LAMPIRAN B

## SYARAT TAMBAHAN PANDEMIC COVID-19

1. SKILL SOLUTIONS hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian berkaitan.
2. SKILL SOLUTIONS hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis. Bacaan bagi setiap peserta program hendaklah direkod dan disimpan untuk tempoh sekurang kurangnya 3 bulan untuk rujukan.
3. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, peserta program **tidak dibenarkan** memasuki premis dan perlu merujuk peserta tersebut ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.
4. SKILL SOLUTIONS perlu memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara peserta) sentiasa diamalkan.

## KETIDAKPATUHAN

1. SKILL SOLUTIONS hendaklah mematuhi SOP dan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian berkaitan. Sekiranya tidak, SKILL SOLUTIONS boleh diambil tindakan selaras dengan Akta 342 atau mana-mana peraturan yang diperbuat dibawahnya atau di bawah Akta 520 atau kedua-duanya sekali. Program ini akan diberhentikan serta-merta dan boleh dibatalkan/ditarik semula, selain meminda syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis dan tertakluk kepada situasi dari semasa ke semasa.

## PINDAAN

1. CIDB berhak untuk meminda apa-apa syarat-syarat dalam SOP ini dari semasa ke semasa.

**SSS PT 25 SEPT 2021 (ONLINE)**
**SKILL SOLUTIONS SDN BHD**

| Topic | Date | Topic |
|---|---|---|
| DAY 1 | 25.9.2021 | Introduction Duty Of SSS<br>OSHMS<br>Documentation<br>Communication, consultation, promotion & training<br>Planning, Program & Budgeting<br>Workplace Inspection & Auditing |
| DAY 2 | 26.9.2021 | Accident Investigation<br>Emergency Preparedness<br>FM (BOWEC)(S) Regulations 1986 |
| DAY 3 | 2.10.2021 | OSHA 1994, Regulations & Orders<br>FMA 1967, Regulations & Rules |
| DAY 4 | 3.10.2021 | PTW/LOTO<br>HIRARC<br>JSA |
| DAY 5 | 9.10.2021 | Fire Prevention<br>Health & Welfare Provision Module<br>Housekeeping<br>PPE<br>First Aid<br>Ergonomic in Construction<br>Site Transport |
| DAY 6 | 10.10.2021 | Occupational Health in Construction<br>Lifting Operation<br>Demolition Work<br>Site Security<br>Site Officer Safety<br>Under Water and above Water Work |
| DAY 7 | 16.10.2021 | Hand and Power Tools<br>Confined Space<br>Electrical Safety<br>Concrete Work<br>Mechanical Plant & Machinery<br>Piling |
| DAY 8 | 17.10.2021 | Working At Height<br>Explosive and Blasting<br>Excavation<br>welding & Cutting<br>Tunnelling Work<br>Safety Signage's |
| DAY 9 | 23.10.2021 | Site Practical<br>Site Assessment<br>Mock Presentation |
| DAY 10 | 24.10.2021 | Mock Presentation<br>Revision |